

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM BERDUKACITA DAN UCAP TAKZIAH ATAS KEMATIAN
MURID SEKOLAH MENENGAH SAINS TUANKU JAAFAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menzahirkan rasa dukacita dan mengucapkan takziah kepada keluarga Nuqman Naufal Bin Shamsul Fadzli, murid Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang meninggal dunia pada Jumaat.

KPM menyeru semua pihak untuk menghormati privasi keluarga Allahyarham Nuqman Naufal. Dalam masa sama KPM telah mengambil tindakan segera untuk memberi bantuan kebajikan kepada pihak keluarga.

Semua institusi pendidikan bawah KPM diminta untuk sentiasa mematuhi garis panduan penganjuran aktiviti luar bilik darjah. KPM komited memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan murid sentiasa diberi perhatian.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
20 APRIL 2024**